



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “YANG DI-PERTUAN AGONG: KEPALA UTAMA NEGARA”

3 Jun 2022 / 3 Zulkaedah 1443

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri sematamata kepada Allah Yang Maha Esa. Menjelang sambutan rasmi Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 6 Jun 2022, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk:

## “YANG DI-PERTUAN AGONG: KEPALA UTAMA NEGARA”

Firman Allah SWT:

﴿وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِيَبْلُوكُمْ فِي مَاءِ التَّكْوِينِ إِنْ رَأَىٰ رَبَّكَ سَرِيعَ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٦٥﴾﴾

Bermaksud: Dialah yang menjadikan kamu penguasa-penguasa di bumi dan Dia meninggikan sebahagian kamu atas sebahagian (yang lain) beberapa derajat, untuk menguji mu tentang apa yang dikurniakannya kepada mu. Sesungguhnya Tuhan mu amat cepat seksaan Nya, dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

(Surah Al-An'am: 165)

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



## **Sidang Jumaat yang dimulihkan,**

Menurut Imam Al-Mawardi, selepas kewafatan Nabi SAW, khalifah atau pemerintah sesebuah negara merupakan suatu kewajipan yang mesti dimiliki oleh ummah bagi menguruskan hal ehwal negara dalam rangka menjaga kemurnian agama dan mengatur urusan dunia. Sebelum penubuhan sebuah negara merdeka yang dinamakan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957, disusuli dengan penubuhan Malaysia pada tahun 1963, sembilan buah negeri berada di bawah payung naungan raja. Institusi raja telah wujud lebih dari enam abad dan telah berakar serta memberikan identiti berkerajaan dan bernegara di bumi ini.

Ketika merangka formula membentuk kerajaan merdeka, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra (Almarhum) amat menghayati dan memahami peranan institusi raja yang terlalu berharga. Justeru itu Tanah Melayu yang merdeka memilih memeterai sistem pemerintahan beraja yang kekal segar dengan menjelmakannya dalam acuan semasa. Institusi raja diluhurkan dengan sebaik-baik pendekatan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri. Maka diperkenalkan sistem berkerajaan dan bernegara yang menggabungkan institusi raja dengan institusi rakyat, berasaskan konsep raja berperlembagaan - demokrasi berparlimen. Kedaulatan raja diberi wajah baru, dirangkaikan dengan suara rakyat dalam satu ikatan harmoni.

Perlembagaan Persekutuan meletakkan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua utama negara. Institusi Yang di-Pertuan Agong, bukan cermin lama untuk melihat wajah yang tua. Takhta pemerintahan tidak sekadar satu lambang hiasan untuk menyempurnakan tugas-tugas kerajaan. Pemerintahan berpaksikan raja termaktub secara perundangan dalam perlembagaan negara. Sepuluh peratus, iaitu 19 daripada 183 perkara dalam Perlembagaan Persekutuan, berkaitan dengan raja. Hal ini bermakna, Malaysia yang mengamalkan sistem kerajaan berpaksikan raja berperlembagaan – demokrasi berparlimen, telah memperuntukkan peranan dan tanggungjawab kenegaraan kepada raja pemerintah secara perundangan. Oleh itu takhta perlu bertenaga, bersifat dinamik lagi meyakinkan, memenuhi peranan sebagai payung penyatuan dalam landskap politik yang semakin memperlihatkan unsur-unsur perpecahan yang turut melemahkan perpaduan warga; di samping peranan sebagai payung yang menaungi kemakmuran, ketika negara sedang bergelut menghadapi pelbagai kepincangan pengurusan yang mencetuskan kemelut ekonomi, yang turut menjejaskan kehidupan harian rakyat jelata.



## Sidang Jumaat yang dimulihkan,

Pada era kesultanan Melayu Melaka, daulat dikaitkan dengan keberkesanan pemerintahan seseorang raja. Islam telah mempengaruhi kaedah pemerintahan Raja Melayu, beralih daripada pemerintahan berpaksikan batang tubuh seseorang insan kepada pemerintahan berpaksikan undang-undang. Islam telah memperkenalkan kaedah semak dan imbang terhadap kuasa raja, demi memastikan raja bersikap adil dan menyempurnakan tuntutan fardu ain dan fardu kifayah berpandukan al-Quran, bersandarkan sunnah Rasulullah SAW.

Undang-undang Melaka menggariskan bahawa martabat tinggi seseorang raja dinilai dari sudut amal makruf menyempurnakan tanggungjawab. Digambarkan oleh Raja Ali Haji dalam *Tuhfat al-Nafis* bahawa fungsi utama raja ialah menjunjung hukum Allah; krisis akan berlaku jika perintah Allah diingkari dan apabila raja memerintah dengan nafsu. Raja diperingatkan akan pentingnya keadilan, akan pentingnya hari kebangkitan, akan pentingnya tanggungjawab sesama ummah. Prinsip kesetiaan rakyat kepada raja yang berpaksikan keadilan, tidak mengizinkan raja untuk mengamalkan sifat, ‘bersultan di mata, beraja di hati’ selaras dengan firman Allah SWT dalam ayat 26, Surah Shad,

﴿يٰۤاٰوْدُ اِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيْفَةً فِى الْاَرْضِ فَاَحْكُم بَيْنَ النَّاسِ بِالْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعِ الْهَوٰى فَيُضِلَّكَ عَنْ سَبِيْلِ اللّٰهِ اِنَّ الَّذِيْنَ يَضِلُّوْنَ عَنْ سَبِيْلِ اللّٰهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيْدٌۢ بِمَا نَسُوْا يَوْمَ الْحِسَابِ ﴿٢٦﴾﴾

Bermaksud; “Wahai Daud, sesungguhnya Kami menjadikan kamu khalifah (penguasa) di muka bumi, maka berilah keputusan (perkara) di antara manusia dengan adil dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu, kerana ia akan menyesatkan kamu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah akan mendapat azab yang berat, kerana mereka melupakan hari perhitungan”

Hujjatul Islam Imam Abu Hamid al-Ghazali dalam kitab *Nasihatul Muluk* (Nasihat untuk Raja-raja) menyemaikan budaya ilmu dan tatacara pentadbiran yang menegaskan perpaduan negara berdasarkan kefahaman bermakna mengenai tuhan, hakikat alam semesta, kehidupan selepas mati. Islam menegaskan agar pemerintah menyayangi rakyat dan tentunya rakyat akan membalas kasih sayang tersebut. Rakyat akan terus menabur bunga setia selagi raja melaksanakan pemerintahan secara adil - secara saksama bersandarkan hukum,



dan insyallah negeri dilimpahi keamanan dan kemakmuran, tumbuhan subur di ladang, ternakan membiak, rakyat bertambah, maka raja yang memerintah dianggap bertuah dan tinggi berdaulat.

### **Sidang Jumaat yang dihormati,**

Mimbar menyeru peringatan-peringatan berikut:

**Pertama:** Sistem raja berperlembagaan ialah kesinambungan dan warisan daripada sistem pemerintahan berpaksi raja sejak zaman kesultanan Melayu Melaka. Para pengasas kemerdekaan negara telah mendapat petunjuk Ilahi, dengan wawasan bijak membentuk kerajaan merdeka di bawah naungan raja berperlembagaan yang memberikan identiti kepada negara kita. Justeru, ummah wajib mempertahankan identiti negara bangsa yang telah lama berakar di bumi ini.

**Kedua:** Raja Pemerintah berperanan sebagai penimbang tara yang adil lagi saksama melindungi kepentingan rakyat jelata; meskipun dalam perkara yang nyata, perlembagaan negara menetapkan raja bertindak atas nasihat dan hendaklah menerima nasihat, tetapi raja juga tidak harus berasa tertekan dan tidak semestinya memberikan perkenan jika nasihat yang disembahkan bercanggah dengan semangat perlembagaan, bercanggah dengan undang-undang, dan bercanggah dengan keadilan sehingga memungkinkan berlakunya penindasan dan kezaliman.

**Ketiga:** Raja pemerintah mempunyai tanggungjawab fardu kifayah yang berat untuk mengabsahkan pentingnya institusi raja dipertahankan dengan memastikan semangat perlembagaan, falsafah di sebalik setiap undang-undang yang digubal serta kepentingan lebih besar negara dan warga senantiasa dilindungi melalui pemerintahan yang meluhurkan perlembagaan dan mendaulatkan undang-undang.

**Keempat:** Dalam menghadapi kecelaruan politik yang sedang berlaku, rakyat meletakkan harapan tinggi agar institusi takhta pada setiap ketika tidak bersifat memihak, malah mencuar diri tinggi di atas segala persengketaan politik kepartian demi memastikan peranan takhta diterima baik ketika takhta diperlukan berperanan sebagai penimbang tara.



**Kelima:** Institusi takhta kekal bertenaga menghadapi cabaran dalam era yang semakin berubah, agar terus berupaya menangani tuntutan dan keperluan semasa, terutama memenuhi peranan sebagai payung kesatuan dalam kepelbagaian.

Khatib menyembah ucapan “Dirgahayu Tuanku” pada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri’ayatuddin Al Mustaffa Billah Shah, dengan iringan doa semoga negara di bawah naungan pemerintahan Tuanku dilimpahi keamanan, keharmonian, kesejahteraan dan kemakmuran.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ  
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا يُؤَافِي نِعْمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, para sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkanlah rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. اللَّهُمَّ أَصْلِحْ وُلاةَ أُمُورِنَا، اللَّهُمَّ وَفِّقْهُمْ لِمَا فِيهِ صَلَاحُهُمْ وَصَلَاحُ الْإِسْلَامِ وَالْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ أَعِزَّهُمْ عَلَى الْقِيَامِ بِمَهَامِهِمْ كَمَا أَمَرْتَهُمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!**, kurniakanlah hidayah dan petunjuk Mu ke atas Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, untuk melaksanakan pemerintahan secara adil - secara saksama, berlandaskan hukum; bantulah dan berkati usaha baginda untuk menyatupadukan warga yang terdiri daripada pelbagai kaum, menganut pelbagai agama, mengamalkan pelbagai budaya dan menguasai pelbagai bahasa, agar Malaysia kekal menjadi negara merdeka yang aman, harmoni, makmur dan sejahtera.

**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai rezeki yang berlipat ganda kepada mereka, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.